

RM7 juta untuk program Sentuhan Kasih

PETRONAS memperuntukan RM7 juta untuk melaksanakan program bantuan pemberian bekalan makanan bulannya di bawah program Sentuhan Kasih Petronas melibatkan lebih 5,400 keluarga di lapan negeri di Malaysia.

Dalam satu kenyataan medianya, program yang dimulakan pada April itu telah memberikan bantuan bekalan makanan kepada 4,200 keluarga di Kedah, Selangor, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Menurut Petronas, program itu dianjurkan bertujuan membantu mereka yang memerlukan dan terbaru Petronas meneruskan program tersebut dengan memberikan bantuan bekalan makanan bulannya kepada 1,200 keluarga di Melaka, Johor dan Terengganu.

info

Penerima menerima RM80 setiap bulan sepanjang tahun, malah akan menerima RM240 semasa musim perayaan.

"Mereka juga menerima RM80 pada setiap bulan sepanjang tahun, malah mereka akan menerima RM240 semasa musim perayaan bertujuan membantu mereka membuat persediaan menyambut perayaan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Petronas, Komunikasi Strategik Kumpulan, Zahariah Abdul Rahman berkata, berikutan kejayaan pelaksanaan Sentuhan Kasih pada April, Petronas akan meneruskan

program itu untuk membantu meringankan beban keluarga dalam menguruskan perbelanjaan harian mereka, terutamanya bagi mereka yang mempunyai ramai anak.

"Melalui usaha CSR ini, kami berharap dapat membantu menyebarkan rasa gembira dalam kalangan masyarakat setempat kerana mereka bersedia untuk sambutan perayaan yang akan datang," katanya.

Semua sumbangan akan dibuat melalui pembayaran tanpa tunai, di mana penerima boleh mendapatkan barangan makanan penting di perkongsian pasar raya menggunakan MyKad mereka.

Sumbangan akan diberikan dan diedarkan melalui Yayasan MyKasih dari April 2018 hingga Mac 2019.